

Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu

Mohd Fahmi Ismail*, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

Article Information

Received 27 February
2015
Received in revised form
9 December 2015
Accepted 14 December
2015

Abstrak

Sejak zaman dahulu kala lagi, cerita rakyat Melayu merupakan salah satu genre sastera yang popular dan diminati oleh segenap lapisan masyarakat. Kini, cerita rakyat Melayu kian luntur dalam kalangan masyarakat Melayu kerana adanya pengaruh teknologi moden. Namun begitu, menyedari akan betapa pentingnya cerita rakyat Melayu ini kepada masyarakat Melayu, maka kajian ini dilakukan untuk mengembalikan semula nilai jati diri yang selama ini menjadi tunjang kepada ketamadunan unggul dalam kalangan masyarakat Melayu. Lantaran itu, dapat dilihat bahawa setiap cerita rakyat Melayu yang disampaikan itu banyak memberi pedoman yang berguna kepada masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan nilai jati diri yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Seterusnya, kajian ini juga akan menggunakan landasan teori ekologi budaya atau adaptasi alam untuk memantapkan lagi analisis perbincangan. Dalam konteks ini, maka jelaslah membuktikan bahawa terdapat cerita rakyat dapat membina semangat jati diri yang unggul dan mantap dalam kalangan masyarakat Melayu hingga ke hari ini.

© 2015 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Kata Kunci: Cerita Rakyat Melayu; Masyarakat Melayu; Nilai Jati Diri

The Malay folklore: An analysis of Malay values and identity as a reflection of the Malay culture

Abstract

The Malay folklore has been a popular literary genre enthused by people of the community especially because of its depiction of Malay values and identity. However, with the influence of modern technologies, its presence in the modern day is increasingly fading. The values and identity, which have shaped the lifestyle and development of the Malay community and its people, are portrayed in the folklore, and can be a useful guidance for the modern community. Recognising its importance, this study is therefore conducted to restore the values of Malay identity by analysing its portrayal in the Malay folklore. The Theory of Cultural Ecology or Natural Adaptation is referred to strengthen the analysis of the folklore. In brief, this study has proofed that Malay folklore has provided a well-established values and identity to the Malay community.

Keywords: Malay community; Malay folklore; Values and identity

* Corresponding author. Tel.: +6013-9968659 (Mobile); Fax: +603-9439951.

E-mail addresses: mohdfahmimofis@yahoo.com [Mohd Fahmi, I.]; salmahjan@upm.edu.my [Salmah Jan, N.M.]; mosy@upm.edu.my [Mohd Sharifudin, Y.].

PENGENALAN

Cerita rakyat adalah sebahagian daripada sastera rakyat yang diperturunkan daripada generasi ke generasi tradisi lisan. Hasil kreatif golongan rakyat desa (masyarakat tani) yang sederhana hidupnya ini adalah bertujuan memberi nasihat dan pendidikan secara formal kepada ahli-ahli masyarakat di samping menghibur (Fatimah Md Yasin, 1991). Menurut Ismail Hamid (1986) cerita rakyat disampaikan melalui pertuturan dari individu kepada individu yang lain misalnya seorang bapa akan menuturkan kepada anaknya dan begitulah seterusnya. Menurut Mohd Taib Osman (1991) cerita rakyat tidak ada pemilik khusus, tetapi merupakan khazanah yang dimiliki bersama oleh sesuatu masyarakat dan kepunyaan bersama masyarakat itu sendiri dan cerita rakyat wujud merupakan milik bersama. Menurut Ismail Hamid (1986), cerita rakyat mempunyai sifat yang sejagat. Terdapat banyak persamaan antara cerita rakyat bangsa Melayu dengan cerita rakyat bangsa lain. Dalam konteks ini, maka jelaslah membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan nilai jati diri yang mampu membentuk moral dan akhlak yang berharga kepada masyarakat khususnya masyarakat tradisi sejak dari dahulu kala sehingga ke hari ini. Oleh hal yang demikian, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan membincangkan citra jati diri dalam cerita rakyat Melayu yang selama ini telah digambarkan melalui kebudayaan Melayu.

1.1 Penyataan Masalah

Kajian ini dijalankan kerana bertitik tolak daripada pendapat yang telah diutarakan oleh Mohd. Taib Osman (1976) yang menyatakan bahawa arus teknologi pada masa kini telah menggugat kedudukan sastera rakyat di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk membuktikan walaupun arus teknologi mampu mempengaruhi keruntuhan ketamadunan masyarakat, namun sastera rakyat khususnya cerita rakyat masih lagi kaya nilai dan ketamadunan unggul dalam masyarakat Melayu yang wajar diangkat demi memastikan tamadun orang Melayu dipelihara.

TEORI EKOLOGI BUDAYA ATAU TEORI ADAPTASI ALAM

Teori Ekologi Budaya menyatakan unsur alam persekitaran adalah pengaruh paling penting dalam membentuk sesuatu kebudayaan. Pengaruh alam itulah yang menjadi inspirasi kepada Charles Darwin untuk membentuk teori 'kejadian manusia' yaitu berasal daripada haiwan beruk. Menurut Anwar Din (2007:42) Teori Ekologi Budaya menyatakan unsur alam persekitaran mempengaruhi segala aspek kebudayaan seperti minda (pemikiran), cara makan, pakaian, tempat berlindung, bahasa, pandangan dunia, kesedaran, kepercayaan, nilai, etos, institusi, kesenian dan sebagainya. Itulah sebabnya teori ini juga dinamakan Teori Adaptasi Alam. Dalam hal ini, Norazit Selat (1989: 50-51) sebagai memetik kata-kata Leslie White (1947) menyatakan kebudayaan merupakan pola asas kepada perlakuan, benda-benda, idea-idea, sentimen dan pengaruh persekitaran. Kebudayaan satu tatacara dan elemen yang berkaitan dengan cara hidup sebuah masyarakat. Menurut Carol R. Ember & Melvin Ember (1996:68) terdapat beberapa tokoh yang memperkenalkan Teori Adaptasi Alam, iaitu Julian Steward (1930-an). Teori Ekologi Budaya yang diajukan oleh Julian Steward menyatakan keadaan alam yang sama membentuk kebudayaan yang sama walaupun masyarakat berkenaan tinggal di tempat yang berbeza. Jelaslah "persamaan" tersebut adalah kerana 'teras budaya' iaitu aspek-aspek kebudayaan utama bagi umat manusia sejagat adalah sama. Oleh itu, apabila menerima pengaruh alam yang sama maka kebudayaan yang timbul akan menjadi sama. Kemudian, menurut Anwar Din (2007:42) terdapat beberapa tokoh yang mengemukakan kajian dan pendapatnya seperti Leslie White (1940-an), Roy Rappaport (1960-an) dan Marvin Harris (1950-an). Seterusnya, terdapat seorang ahli antropologi Amerika Syarikat iaitu Julian Steward, memperkenalkan istilah Teori Ekologi Budaya dan Teras Budaya.

Lanjutan daripada itu, Marvin Harris (1984:459) Leslie White, juga seorang ahli antropologi Amerika Syarikat mempopularkan istilah 'evolusi budaya'. Leslie White memberi fokus terhadap 'tenaga' yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat. Sekiranya Julian Steward menekan 'persamaan', White pula menekankan 'perbezaan' antara kebudayaan. Dalam konteks ini, beliau menyatakan perbezaan

antara sesuatu kebudayaan adalah kerana sesuatu masyarakat menghasilkan dan menggunakan 'tenaga' yang berbeza. White menggunakan formula berikut untuk menjelaskan bagaimana kebudayaan berkembang: $E \times T = C$. (Simbol E dirujuk sebagai tenaga, T sebagai kecekapan peralatan atau teknologi dan C sebagai kebudayaan) Anwar Din (2007:42). Seterusnya, Carol R. Ember & Melvin Ember (1996:65) merumuskan setiap peringkat evolusi budaya ditandai oleh penambahan jumlah tenaga dan teknologi yang digunakan oleh anggota masyarakat berkenaan. Pada pandangan beliau negara maju seperti Amerika Syarikat menghasilkan tenaga dan teknologi yang amat tinggi. Masyarakat pada ketika itu mencipta teknologi untuk mengeluarkan tenaga seberapa banyak daripada bahan bakar dan nuklear untuk menggerakkan teknologi seperti kereta, lampu elektrik, kilang dan peralatan pertanian. Sebaliknya, menurut White, masyarakat negara sedang membangun berada dalam keadaan tidak maju kerana mereka hanya menggunakan tenaga yang sedikit.

Tenaga pula tidak diperoleh daripada penggunaan teknologi. Mereka hanya mendapatkan tenaga secara semula jadi seperti daripada matahari, angin dan air. Tenaga ini digunakan hanya untuk bertani dan membuat bot (Marwin Harris, 1984: 460-461). Sementara itu, seorang lagi tokoh terkenal dalam teori ini ialah Roy Rappaport, seorang ahli antropologi Amerika Syarikat. Melalui gabungan prinsip-prinsip daripada ekologi budaya biologi ke dalam aspek ekologi kebudayaan. Justeru unsur kebudayaan unsur biologi tunduk proses seleksi oleh alam sama ada dapat dianggap sifat mampu atau sebaliknya oleh setiap lapisan masyarakat (Carol R. Ember & Melvin Ember, 1996:65). Selain itu, teori ini dihasilkan daripada pengamatan lapangan dalam kalangan masyarakat Tsembaga di Papua New Guine. Beliau meneliti signifikan sistem eko dalam ritual yang berkaitan dengan peperangan dan kedamaian dalam masyarakat berkenaan. Masyarakat ini berada dalam keadaan aman damai apabila segala kegiatan mereka untuk memenuhi keperluan berjalan lancar tanpa gangguan. Sebaliknya masyarakat berkenaan akan berperang dengan pihak luar apabila kegiatan untuk memenuhi keperluan tersebut diganggu. Masyarakat Tsembaga mengekalkan kedamaian dan mengadakan 'pengharaman' berperang dengan masyarakat yang lain dalam masa yang agak lama (Anwar Din, 2007:43). Tetapi keadaan ini berubah apabila kegiatan pertanian (menanam kentang dan membela babi) dimusnahkan oleh babi yang terlalu ramai jumlahnya. Menurut Ruth Benedict (1970:86) pada mulanya, masyarakat ini mengadakan ritual untuk menghalau babi tersebut, selain mengamankan roh dan penunggu. Namun, keadaan berubah dengan memansuhkan pengharaman berperang tadi, dan menyerang masyarakat bagi menggantikan pertanian mereka telah dimusnahkan oleh sejenis haiwan iaitu babi.

Selain itu, Marwin Harris (1984:425) pula membuat penelitian terhadap amalan agama di kalangan masyarakat India yang menganggap lembu sebagai 'suci.' Seterusnya menurut M.Rajantharan dan S. Manimaran (1994:27) amalan agama terbentuk ini teretus ekoran daripada 'tindak balas' masyarakat berkenaan memberi 'nilai' kepada binatang tersebut kerana haiwan itu menjalankan kerja pertanian dan kerja-kerja lain. Di samping itu, najisnya menjadi sumber baja dan bahan bakar. Teori Ekologi Budaya dikenali sebagai "Kebudayaan Materialisme" (*culturematerialisme*), (Norazit Selat, 1989:50). Para pengkaji Barat melihat tindakan manusia terhadap alam adalah kerana tujuan 'praktis' dalam kehidupannya bagi mewujudkan kebudayaan masing-masing. Teori ini mengaitkan unsur alam persekitaran adalah pengaruh paling penting dalam membentuk sesuatu kebudayaan sesebuah kelompok masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data dan menganalisis data tersebut secara mapan. Dari sudut itu, pengkaji telah membaca beberapa buah cerita rakyat Melayu yang telah diselenggarakan oleh Aripin Said dan Othman Puteh yang merupakan pelapor cerita rakyat terkemuka di Malaysia. Setelah itu, pemilihan cerita rakyat tersebut dipilih secara rawak dan dianalisis mengikut komponen nilai jati diri yang ditetapkan. Selain itu, Teori Ekologi Budaya atau Teori Adaptasi Alam telah diaplikasikan dalam setiap analisis.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Antara nilai jati diri yang akan dibincangkan adalah seperti berhemah tinggi, keberanian, kasih sayang, kerajinan, kerjasama dan rasional. Oleh itu, kajian ini akan memberi fokus secara lebih terperinci tentang nilai-nilai jati diri tersebut menerusi cerita lisan kepada masyarakat tradisi.

Masyarakat Melayu sejak zaman berzaman lagi sememangnya kaya dengan sikap atau perilaku berhemah tinggi dalam kalangan masyarakatnya. Hal ini kerana, jati diri menerusi hemah tinggi dapat memupuk semangat keharmonian dalam masyarakat setempat. Menurut Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992: 31), berhemah tinggi merupakan sikap berbudi pekerti, tingkah mulia dan lemah lembut yang patut diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain. Nilai jati diri terdapat pada petikan cerita rakyat yang bertajuk "Awang Si Malim" di bawah ini:

Tuk gurunya sayang sangat akan Awang Si Malim. Awang budak yang cerdik serta rajin pula. Sedikit yang diajar banyak pula yang didapatinya. Kelakuan amat santun. Tutur kata Awang Si Malim sangat lemah lembut. Semua kawannya suka akan dia.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 266)

Petikan di atas menjelaskan kepada kita, nilai jati diri berhemah tinggi yang ada dalam diri Awang Si Malim merupakan salah satu sikap dan sifat yang perlu ada pada dalam diri manusia yang berakal. Keperibadiannya yang sopan santun dan lemah lembut apabila bercakap dengan orang lain terutamanya mereka yang lebih tua menyebabkan dirinya dihormati dan disayangi oleh semua orang yang berada di sekelilingnya. Semua kita sedia maklum setiap orang yang mengamalkan perlakuan sopan santun seperti ini akan dihormati dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini maka jelaslah membuktikan bahawa pengarang telah menggambarkan nilai jati diri hemah tinggi oleh watak seorang pemuda yang bernama Awang Si Malim akan sikapnya menuturkan kata lemah lembut terhadap orang yang lebih tua. Masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan sifat sopan santun dan lemah lembut ketika berkomunikasi dengan golongan tua. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam menjelaskan nilai jati diri berhemah tinggi berkait rapat dengan perspektif minda (pemikiran), cara makan, pakaian, tempat berlindung, bahasa, pandangan dunia, kesedaran, kepercayaan, nilai, etos, institusi kesenian dan sebagainya. Hal ini kerana, nilai jati berhemah tinggi berkait rapat dengan apa yang diamalkan dan diterapkan secara sempurna dalam diri manusia.

Selain itu, nilai berhemah tinggi juga terdapat di dalam cerita "Orang Sombong Selalu Rugi":

Pada suatu pagi seorang perempuan tua datang ke perigi itu. Dia menjunjung seberkas kayu api di atas kepala. Perempuan tua itu terlalu haus. Dia meminta sedikit air untuk diminum.

"Biar saya turunkan kayu di atas kepala nenek dahulu," kata Melor.

Kayu diletakkan di atas tanah. Kemudian dia membawa semangkuk air untuk perempuan itu. Perempuan tua itu pun minum dengan sepuas-puasnya.

"Terima kasih, cu. Kamu sungguh baik hati," kata nenek itu.

"Saya cuma menolong sahaja nek. Sekarang benarkan saya mengangkat kayu itu," kata Melor. Dia pun meletakkan kayu itu di atas kepala perempuan itu.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 119)

Melalui petikan cerita rakyat di atas memerihalkan tentang sikap yang terpuji yang terdapat di dalam diri Melor, iaitu Melor memiliki sifat yang terpuji yang perlu ada di dalam diri seseorang seperti tolong-menolong, bertimbang rasa, sopan-santun dalam kelakuan dan percakapan dan baik hati. Sikap yang sedemikian ini menunjukkan orang Melayu pada zaman dahulu penuh dengan didikan dan peribadi yang unggul. Keperibadian yang mulia ini perlu dicontohi dan menjadi ikatan untuk masyarakat tradisi. Melalui disiplin nilai jati diri berhemah tinggi akan boleh membentuk jati diri masyarakat yang unggul. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam memerihalkan nilai jati diri berhemah tinggi berkait rapat dengan perspektif minda (pemikiran), cara makan, pakaian, tempat berlindung, bahasa, pandangan dunia, kesedaran, kepercayaan, nilai, etos, institusi kesenian dan

sebagainya. Hal ini kerana, nilai jati berhemah tinggi berfungsi sebagai panduan dan sempadan kepada manusia dalam melakukan sesuatu kebaikan atau sebaliknya. Lantaran daripada itu, jiwa yang bersih akan membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera dan bahagia dalam meneruskan kehidupan.

4.1 Jati Diri Masyarakat Melayu Menerusi Keberanian

Perilaku yang berani merupakan salah satu jati diri masyarakat Melayu yang wajar diteladani oleh semua masyarakat. Hal ini kerana, semangat keberanian inilah yang boleh menjadikan masyarakat Melayu dipandang tinggi oleh masyarakat di dalam dan di luar negara. Selain itu, masyarakat Melayu yang memiliki jati diri keberanian ini mampu melakukan sesuatu tindakan dengan lebih gagah demi memastikan keadilan dan keamanan dapat dikekalkan. Menurut Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992:33), keberanian ditafsirkan sebagai kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati. Keberanian seharusnya ada pada setiap individu namun perlu dibatasi agar tidak mendatangkan kecelakaan. Nilai jati diri keberanian juga dikatakan sebagai sikap tidak ragu-ragu mengambil sesuatu tindakan walaupun dalam keadaan bahaya dan berisiko tinggi (Aboebakar Atjeh, 1988:19). Nilai Jati diri dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk "Keling" ini:

Wilayah Panggau Libau begitu terkenal di kalangan orang Iban. Mereka hidup aman di situ. Di wilayah itu ada seorang pemuda Iban yang bernama Keling. Keling amat disegani kerana dia gagah perkasa. Setiap kali rombongan Wilayah Panggau keluar *ngayau*, Keling berperang dengan gagah dan berani sekali. Setiap kali *ngasuk*, mereka beroleh kejayaan.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 190)

Berdasar petikan cerita rakyat di atas menceritakan tentang keberanian yang ada pada manusia yang bernama Keling. Beliau seorang yang berani, gentar berdepan dengan musuh dan berani mempertahankan wilayah yang amat disayangnya. Keberanian perlu ada dalam diri setiap anggota masyarakat tanpa mengira umur, jantina dan kaum. Sikap yang ditonjolkan oleh pengarang melalui watak dan perwatakan Keling ini haruslah dicontohi dan perlu dijadikan teladan dan iktibar kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, bersesuaian dengan Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam seperti berikut, nilai jati diri keberanian berkait rapat dengan perspektif minda (pemikiran), cara makan, pakaian, tempat berlindung, bahasa, pandangan dunia, kesedaran, kepercayaan, nilai, etos, institusi kesenian dan sebagainya. Dalam konteks ini, nilai keberanian perlu diterapkan ke dalam diri sejak zaman kanak-kanak lagi. Hal ini penting, kerana ia boleh dijadikan benteng yang kukuh dalam memerangi dan melindungi sesuatu perkara yang akan berlaku dalam kehidupan seharian.

Selain itu, nilai keberanian juga dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk "Cau Pandan Hendak Menyerang Melaka," berdasarkan petikan di bawah:

Pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, kerajaan Siam cuba menyerang Melaka beberapa kali. Semua serangan itu dapat dipatahkan oleh hulubalang Melaka... Pada suatu hari seorang bangsa Arab yang bernama Sidi Arab menghadap baginda. Sidi Arab menawarkan dirinya untuk membunuh Cau Pandan.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 12-13)

Petikan di atas menunjukkan pahlawan Melaka yang berani melawan musuh yang hendak menyerang Negeri Melaka pada ketika itu. Nilai jati diri keberanian ini dapat disimpulkan sebagai kesanggupan, tidak berasa ragu yang merangkumi sikap tabah, kuat tidak takut kepada cabaran, berpegang kepada prinsip yang benar dan hak, mendukung kebenaran dan berani dalam menanggung risiko untuk menghadapi sesuatu cabaran dalam kehidupan yang terdiri dari segi pertuturan, perbuatan, tindakan dan keyakinan. Pembentukan jati diri melalui nilai keberanian amat di aplikasi dalam kehidupan masyarakat tradisi. Bertepatan dengan itu, nilai jati diri keberanian merupakan salah satu nilai penting yang harus ditanam dalam diri manusia. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam menjelaskan nilai jati diri berhemah tinggi berkait rapat dengan perspektif minda (pemikiran), cara makan, pakaian, tempat berlindung, bahasa, pandangan dunia, kesedaran, kepercayaan, nilai, etos, institusi kesenian dan sebagainya.

4.2 Jati Diri Masyarakat Melayu Menerusi Kasih Sayang

Kasih sayang lahir daripada perasaan cinta dan sayang dalam diri manusia untuk menyayangi antara satu sama yang lain. Oleh itu, masyarakat Melayu sejak zaman dahulu hingga sekarang dilihat dapat mewujudkan perasaan kasih dan sayang dalam diri mereka untuk memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan di dalam sebuah kehidupan di dunia ini. Oleh itu, kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006:93). Hal ini dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk “Pak Pandir Memandikan Anak.”

Pak Pandir dan Mak Andeh mempunyai seorang anak. Mereka berdua sangat sayang akan anak itu. Pak Pandir dan Mak Andeh memelihara anak mereka dengan sebaiknya. Mereka mahu anak itu menjadi seorang yang pandai apabila besar kelak.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 39)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan sikap dan nilai jati diri kasih sayang ditunjukkan oleh sepasang suami isteri terhadap anaknya. Pak Pandir dan Mak Andeh amat menyayangi anaknya. Hal ini terparap melalui ungkapan kata-kata sangat sayang akan anak itu. Kasih sayang merupakan suatu ikatan yang murni diamalkan dalam sesebuah kekeluargaan. Ikatan kasih sayang antara ibu bapa dan anak-anak tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ibu bapa memainkan peranan penting dalam menyemai kasih sayang terhadap anak-anak mereka. Dalam konteks ini maka jelaslah membuktikan bahawa nilai kasih sayang yang terpatut dalam sebuah kekeluargaan kerana masyarakat Melayu sememangnya menitikberatkan ikatan kasih sayang dalam sesebuah kekeluargaan dalam menjana sebuah kekeluargaan yang bahagia dan aman damai.

Selain itu, nilai jati diri kasih sayang yang sama juga ada di dalam petikan cerita “Pengorbanan Kansiduon” di bawah ini:

Suara itu meminta Kansiduon mengorbankan Tanaki jika Kansiduon mahukan hujan. Kansiduon tidak mahu anaknya di korbakan. Dia amat sayangkan anaknya.. Pada lewat malam itu, Tanaki masuk tidur seperti biasa. Sebelum tidur Tanaki mencium pipi ibu dan memeluknya dengan erat.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 190)

Berpandukan petikan di atas pengarang menceritakan nilai jati diri kasih sayang yang ditonjolkan dalam Kansiduon yang terlalu sayangkan anaknya Tanaki. Hal yang sama ditunjukkan oleh Tanaki terhadap ibunya. Nilai jati diri kasih sayang dapat disimpulkan sebagai perasaan halus dan belas kasihan yang lahir dari hati meliputi rasa cinta dan kasih sayang yang mendalam, tiada sempadan waktu dan tanpa sebarang paksaan atau unsur kepentingan diri seterusnya membawa kepada perlakuan yang baik dan positif. Nilai jati diri menerusi kasih sayang ini perlu ada ditanam, dituai dan dipupuk dalam diri setiap masyarakat yang normal akalunya. Perkara ini tidak mustahil berlaku jika masyarakat sedar betapa pentingnya kasih sayang dalam kehidupan. Melalui nilai kasih sayang ini akan membentuk jati diri masyarakat ke arah melahirkan sebuah masyarakat tradisi yang bahagia, harmoni dan sentosa. Hal ini kerana, nilai jati diri kasih sayang tidak lari dengan kehidupan manusia. Rentetan daripada itu, kesedaran betapa pentingnya nilai ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang kaya dengan budi pekerti. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam menjelaskan nilai jati diri kasih sayang berkait rapat perasaan manusia yang dapat mengekalkan keamanan dalam sesebuah masyarakat.

4.3 Jati Diri Masyarakat Melayu Menerusi Kerajinan

Tidak dapat dinafikan bahawasanya, masyarakat Melayu pada masa lalu memiliki jati diri yang rajin dalam diri mereka untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini kerana, kehidupan itu sendiri menuntut manusia rajin bekerja untuk mendapatkan hasil rezeki demi menyara sebuah kehidupan yang sempurna. Rentetan daripada itu, dengan adanya jati diri yang rajin dalam diri masyarakat Melayu, maka sesuatu

perkara itu dapat dilakukan dengan baik serta mendapat hasil yang bagus. Oleh hal yang demikian, nilai kerajinan didefinisikan sebagai usaha yang berterusan yang dilakukan dengan penuh semangat untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan (Jumali Hj. Selamat, 2001: 322). Nilai jati diri ini jelas terdapat di dalam petikan cerita rakyat “Wasiat Yang Bijaksana” ini:

Pada suatu masa, ada seorang peladang tinggal bersama-sama tiga orang anak lelakinya.

Peladang itu sangat rajin mengusahakan ladangnya.

Peladang itu menanam hasil tanaman seperti pokok buah-buahan, nyiur dan pinang.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 70)

Petikan cerita rakyat di atas menceritakan nilai jati diri kerajinan yang ditunjukkan oleh watak seorang peladang. Beliau sangat rajin kerana saban waktu mengerjakan pelbagai tanaman di ladangnya. Justeru itu secara tidak langsung akan lahir jati diri dalam setiap masyarakat tradisi ini. Selain itu, cerita rakyat yang seterusnya juga menceritakan tentang nilai jati diri kerajinan ini. Hal ini terdapat di dalam petikan cerita “Nakhoda Tanggang” ini:

Tidak lama kemudian, kapal itu pun belayar. Si Tanggang disuruh membuat kerja-kerja berat di dalam kapal. Si Tanggang melakukan apa sahaja kerja yang diperintahkan oleh Nakhoda. Nakhoda amat suka dengannya kerana dia rajin bekerja. Lalu Si Tanggang diambil sebagai anak angkat.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 150)

Petikan di atas ini menceritakan sikap rajin yang ada pada diri Si Tanggang. Beliau sangat rajin sehingga sanggup melakukan apa-apa sahaja kerja yang disuruh. Sikap rajin Si Tanggang telah menyebabkan nakhoda percaya dan menyayangnya sehingga mengambilnya menjadi anak angkat. Menerusi hubungan tersebut, kemantapan pemikiran berkaitan dengan nilai jati diri kerajinan menjadi satu permulaan kepada kejayaan seseorang manusia. Justeru itu, dengan tercapai kejayaan yang diimpikan akan melahirkan sebuah masyarakat Melayu yang hebat. Hal ini kerana, nilai jati diri kasih sayang tidak lari dengan kehidupan manusia. Rentetan daripada itu, kesedaran betapa pentingnya nilai ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang kaya dengan budi pekerti. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam menjelaskan nilai jati diri kerajinan berkait rapat dengan kesungguhan dan kemahuan seseorang manusia dalam melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan mereka.

4.4 Jati Diri Masyarakat Melayu Menerusi Bekerjasama

Aktiviti kerjasama yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu dapat membentuk sebuah masyarakat yang aman damai dan harmoni. Sekiranya semangat kerjasama ini dapat dilakukan dalam keadaan yang baik maka ia dapat mewujudkan hubungan kemasyarakatan yang bersatu padu dan ceria. Sehubungan dengan itu, menurut Hashim Musa (2008: 50), nilai kerjasama juga merupakan bermuafakat, bergotong-royong, dan bergaul mesra berdasarkan tolak ansur, bersefahaman, perpaduan, saling hormat-menghormati dan mengelakkan persengketaan, tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama dalam melaksanakan tanggungjawab, kepentingan dan kebajikan bersama dalam suasana kejiwaan, komuniti dan kemasyarakatan, perasaan kekitaan dan kemasyarakatan yang kukuh untuk menyelesaikan sebarang masalah bersama demi menjaga kemaslahatan dan kebajikan bersama.

Persoalan nilai jati diri dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk “Asal Usul Sungai Pinggang” ini:

Pada suatu hari sebuah keluarga berpindah ke kampung itu. Sesampainya di sana mereka terus pergi ke rumah penghulu

“Bolehkan kami tinggal di sini tuk?” tanya Pak Itam

“Boleh. Esok kita bina rumah beramai-ramai.” jawab penghulu.

Esoknya rumah Pak Itam pun siap dibina. Pak Itam sangat gembira. Dia mengucapkan terima kasih kepada penduduk kampung.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 80)

Berpandukan petikan di atas jelas terdapat nilai jati diri kerjasama ini. Kerjasama yang ditunjukkan oleh penghulu kepada Pak Itam walaupun mereka tiada pertalian darah dan tidak mengenali antara satu sama lain. Penghulu dan orang bekerjasama dan berganding bahu menyiapkan sebuah rumah untuk Pak Itam sekeluarga. Nilai bekerjasama ini boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk “Tuk Raja Bertemu Taring” berdasarkan petikan di bawah ini:

....Mereka berasa sangat penat. Ada yang hampir merajuk dan hendak berpatah balik.

Tuk Raja memujuk mereka supaya bersabar. Akhirnya setelah tujuh hari tujuh malam berjalan, sampailah mereka di sebatang sungai bercabang dua. Tuk Raja teringat akan mimpinya.

“Inilah tempatnya,” kata Tuk Raja kepada adik-adiknya dan pengikut yang sudah penat itu.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 17)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang menggambarkan nilai kerjasama dalam sebuah masyarakat setempat yang terkandung dalam cerita. Hal ini boleh dilihat berdasarkan watak Tuk Raja, Tuk Puteri, Tuk Bukit dan orang-orang kampung berpindah ke tempat selamat kerana di kluatir kampung yang diduduki oleh mereka akan mendapat bala besar. Walaupun mereka kepenatan mendaki bukit, mengharungi sawah namun mereka tetap kuat dan terus bersabar. Akhirnya dengan semangat kerjasama yang utuh dalam kalangan mereka, akhirnya mereka sampai dengan selamat ke tempat yang dituju. Dalam konteks ini maka jelaslah membuktikan bahawa pengarang menggambarkan nilai kerjasama yang dimiliki oleh masyarakat setempat kerana boleh bersama-sama melakukan sesuatu aktiviti tanpa adanya paksaan oleh mana-mana pihak. Hal ini kerana, nilai jati diri kasih sayang tidak lari dengan kehidupan manusia. Rentetan daripada itu, kesedaran betapa pentingnya nilai ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang kaya dengan budi pekerti. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam menjelaskan nilai jati diri kerjasama berkait rapat perasaan manusia yang dapat mengekalkan keamanan dalam sesebuah masyarakat. Perilaku ini wajar dipupuk untuk memastikan sesuatu perkara dapat dilakukan bersama-sama dalam mengekalkan keharmonian antara satu sama yang lain.

4.5 Jati Diri Masyarakat Melayu Menerusi Rasional

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat bijak dalam membuat suatu keputusan yang ingin dicapai dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, masyarakat Melayu lebih berfikir panjang sebelum sesuatu tindakan dilakukan untuk memperoleh keputusan yang sistematik. Oleh itu, menurut sarjana terkemuka iaitu Hashim Musa (2008:69) rasional ialah betul dan sah berdasarkan ilmu yang benar, berlandaskan hujahan dan akal fikiran yang waras, rasional dan saintifik, atau laporan yang sah sama ada daripada autoriti yang dipertanggungjawabkan ataupun daripada sumber wahyu yang absah. Nilai jati diri ini jelas terdapat di dalam petikan cerita rakyat “Takar Emas” ini:

Akhirnya berfikirilah anak peladang itu. Bukan takar emas yang dimaksudkan oleh ayahnya. Dia pun bercucuk tanamlah di atas tanah yang sudah dicangkul dan ditebak itu.

Lama-kelamaan tanaman itu memberikan hasil yang banyak. Tahulah dia kini, apakah takar emas yang dimaksudkan oleh ayahnya dahulu. Senanglah hidup si anak peladang dan ibunya.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 140)

Petikan teks di atas menceritakan nilai jati diri rasional yang pada anak peladang. Anak peladang menggali tanah yang luas bagi mencari takar emas yang diberitahu oleh ayahnya sebelum meninggal dunia. Setelah puas menggali takar emas tersebut tetapi tidak dijumpai, lalu anak peladang itu terfikir takar emas tersebut ialah bercucuk tanam. Rasionalnya fikiran anak peladang dengan bercucuk tanam

akan menghasilkan takar emas yang dimaksudkan oleh arwah ayahnya itu. Rentetan daripada itu akan membina sebuah institusi sosial yang amat menghargai persekitaran. Nilai jati diri rasional ini juga terdapat di dalam petikan cerita rakyat “Burung Geroda Ganas” ini bawah:

Nibong, budak lelaki yang yatim piatu. Dia telah memberi cadangan kepada Tuk Penghulu bagaimana hendak membunuh burung geroda itu.

“Begini tuk, kita buat patung seekor burung geroda betina. Kita juga buat anak panah yang besar dan panjang. Apabila geroda jantan itu nampak patung geroda betina, nescaya akan turun singgah di tepinya. Kemudian kita ramai-ramai tarik panah besar dan panahlah ke arah geroda jantan itu,” kata Nibong.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2013: 209)

Berdasarkan petikan cerita “Burung Geroda Ganas” pengarang menceritakan bagaimana kerasionalan akal yang ada pada seorang budak yang bernama Nibong. Dia mencadangkan membuat patung yang besar, setelah geroda terlihat patung tersebut akan hinggap dan setelah dihinggap pada patung tersebut anak panah akan dilontarkan ke arah Burung Geroda Ganas. Langkah Strategik yang dicadangkan oleh Nibong ini berhasil dan penduduk kampung berjaya membunuh geroda tersebut. Hal ini memperlihatkan rasional pemikiran setiap manusia dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Penyelesaian masalah akan mendatangkan kebaikan, keharmonian dan keamanan kepada alam dan manusia. Pembentukan jati diri melalui nilai rasional ini akan membentuk fikiran masyarakat yang kreatif, kritis dan berinovasi. Hal ini kerana, nilai jati diri rasional lari dengan kehidupan manusia.

Rentetan daripada itu, kesedaran betapa pentingnya nilai ini akan mampu membentuk sebuah masyarakat yang kaya dengan budi pekerti. Sehubungan dengan itu, menerusi Teori Evolusi Budaya atau Adaptasi Alam menjelaskan nilai jati diri rasional merupakan cara pemikiran seseorang dalam membuat sesuatu keputusan yang logik. Kesedaran nilai ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana persekitaran yang bertamadun.

KESIMPULAN

Cerita rakyat Melayu sememangnya kaya dengan nilai-nilai positif yang mampu membentuk akhlak manusia ke arah yang lebih mulia dalam kalangan masyarakat di alam fana ini. Oleh itu, setiap cerita lisan yang diolah dengan penuh menarik dan pula disusun dengan kata-kata nan indah serta setiap jalan cerita itu dipancarkan dengan nilai-nilai positif sudah pasti ianya akan memberi daya tarikan kepada para pembaca. Sudah kita sedia maklum, nilai jati diri telah terakam kemas dalam sesebuah cerita rakyat Melayu yang dikarang dan diolah oleh para sarjana yang cintakan akan cerita rakyat Melayu. Oleh hal yang demikian, maka terjawab sudahlah antara nilai jati diri yang terdapat dalam setiap cerita rakyat di negara ini yang boleh membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam konteks ini maka jelaslah membuktikan bahawa kajian ini telah memperincikan dengan lebih segar telah membincangkan antara nilai jati diri yang selama ini menjadi asas keutuhan ketamadunan masyarakat Melayu dalam mencipta budaya dan amalan yang unggul di samping memartabatkan cerita rakyat Melayu di seantero dunia. Dapatan kajian tentang cerita rakyat sebelum ini ternyata dikaji tidak bersandarkan kepada kerangka nilai jati diri yang jelas. Sehubungan itu, cerita rakyat Melayu khususnya lebih jelas menonjolkan nilai jati diri atau budaya Melayu yang sebenarnya berbanding cerita rakyat di negara Nusantara seperti Indonesia yang hanya menceritakan sesebuah cerita rakyat itu lebih kepada cerita dongeng yang sekadar menggambarkan imaginasi dan khayalan penglipur lara. Sebaliknya, cerita rakyat Melayu lebih memperlihatkan pesona budaya Melayu itu secara lebih dekat dan mudah diterima oleh masyarakat.

RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlak Dalam Islam*. (3rdEd.). Kota Bharu: Pustaka Alam.
Anwar Din. (2007). *Asas Kebudayaan & Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Benedict, R. (1970). *Pola Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ember, C. R. & Ember, M. (1996). Teori dan Metoda Antropologi Budaya. Dalam T.O Ihrumi (Ed.). *Pokok-Pokok Antropologi Budaya*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Fatimah Md Yassin. (1991). *Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan - Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika*. Dialog Kesusasteraan. Disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad, pp. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Harris, M. (1984). Kemunculan Teori Antropologi. Hashim Awang (Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. (1986). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Jumali Hj. Selamat. (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1976). Sastera Rakyat, Tinjauan Umum. Dalam A. Bakar Hamid (Ed). *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2013). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Rajantheran, M. & Manimaran, S. (1994). *Siri Pengetahuan Popular Perayaan Orang India*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.